

05 NOV 2000

Rafidah-Pelabur

KEMPEN BURUKKAN KERAJAAN DI LUAR NEGARA TIDAK JEJASKAN PELABURAN

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Pelabur-pelabur asing tidak terpengaruh dengan usaha memburukkan kerajaan Malaysia terutamanya kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negeri.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata setakat ini tidak ada pelabur asing yang telah atau yang bercadang melabur di negara ini menarik balik pelaburan atau cadangan mereka.

"Pelabur-pelabur asing tidak terpengaruh, malah mereka mempunyai cara tersendiri mendapatkan maklumat serta maklum balas daripada pelbagai pihak mengenai keadaan sebenar di negara ini," kata Rafidah kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Pandu Misteri 2000 Parlimen Sepang, di Bandar Baru Salak Tinggi hari ini.

Beliau berkata pelabur-pelabur asing sebenarnya tidakpun menghiraukan apa yang dilakukan oleh Ketua Pemuda Keadilan Mohd Ezam dan rakan-rakannya di luar negeri baru-baru ini untuk memburukkan kerajaan Malaysia memandangkan mereka mempunyai maklumat dan fakta tersendiri.

"Sebagai contoh, Ketua Western Digital telah berkata kepada saya semalam bahawa mereka tahu apa sebenarnya berlaku di negara ini dan telah bertindak menutup kilang mereka di negara lain dan memindahkannya ke negara ini dengan membesarkan kilang yang sedia ada di negara ini," katanya.

Rafidah berkata selagi kerajaan Malaysia menyebarkan maklumat yang tepat mengenai keadaan di negara ini, selagi itulah pelabur asing akan meneruskan pelaburan mereka di negara ini.

Malaysia sebenarnya tidak bimbang dengan usaha memburuk-burukkan kerajaan kerana percaya pelabur asing mempunyai cara tersendiri untuk mendapatkan maklumat sebenar, katanya.

Selain itu, Rafidah yang juga Ketua Wanita Umno Malaysia meminta pembangkang atau mereka yang tidak berpuas hati dengan kerajaan supaya menyuarakannya di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

-- BERNAMA

AT GM PR